

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN  
MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE DUA,  
PARLIMEN EMPATBELAS DEWAN RAKYAT**

---

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN WONG SHU QI (KLUANG)**

**SOALAN**

**PUAN WONG SHU QI [ KLUANG ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status isu penculikan Raymond Koh, Amri Che Mat dan Joshua serta Ruth Hilmy.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Dalam Negeri telah menubuhkan satu Pasukan Petugas Khas bagi menyiasat semula kes kehilangan Amri bin Che Mat dan Pastor Raymond Koh. Pasukan Petugas Khas ini diberi mandat selama 6 bulan mulai 1 Julai 2019. Walau bagaimanapun, Kementerian Dalam Negeri tidak dapat memaklumkan kepada umum mengenai status kes-kes ini memandangkan pasukan ini masih di dalam tindakan menyiasat. Laporan dan syor kepada Kerajaan akan dibentangkan kepada Jemaah Menteri terlebih dahulu.